



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 3 TAHUN 2017**

**STRUKTUR PROGRAM SARJANA MUDA PERLU
MEMATUHI GARIS PANDUAN MATA PELAJARAN UMUM
MELIBATKAN TITAS (HNN2012) DAN HUBUNGAN ETNIK (HNS2012)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
20 September 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

20 SEPTEMBER 2017

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 3 TAHUN 2017

**STRUKTUR PROGRAM SARJANA MUDA PERLU
MEMATUHI GARIS PANDUAN MATA PELAJARAN UMUM
MELIBATKAN TITAS (HNH2012) DAN HUBUNGAN ETNIK (HNS2012)**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-158 Bilangan 9/2017 yang bersidang pada 20 September 2017 telah bersetuju agar struktur program Sarjana Muda perlu mematuhi Garis Panduan Mata pelajaran Umum melibatkan TITAS dan Hubungan Etnik.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Senat Kali Ke-154 Bilangan 5/2017 yang bersidang pada 25 Mei 2017 telah meluluskan pengecualian kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan bagi Semester 7 dan 8 (Semasa Semester 2 Sesi 2016/2017) daripada mengambil TITAS dan Hubungan Etnik. Pengecualian ini hanya diberikan kepada Pelajar Sarjana Muda Pendidikan memandangkan struktur pelajar Sarjana Muda sedia ada telah dinyatakan bahawa pelajar perlu mengambil TITAS dan Hubungan Etnik.
- 2.2 Walau bagaimanapun, program Sarjana Muda Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) dengan Kepujian tidak mencatatkan kursus TITAS sebagai Kursus Universiti yang perlu diambil oleh pelajar. Ini tidak bertepatan dengan Garis

Panduan Mata Pelajaran Umum yang mewajibkan pelajar Sarjana Muda mengambil kursus TITAS dan Hubungan Etnik.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:
 - 3.1.1 Pelajar Sarjana Muda Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) dengan Kepujian yang berada di semester 7 dan 8 diberi pengecualian daripada mengambil TITAS. Manakala pelajar yang berada di Semester 1 hingga 6 perlu mengambil TITAS.
 - 3.1.2 Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan perlu menjalankan Semakan Semula Program bagi program Sarjana Muda Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) dengan Kepujian dan program Sarjana Muda lain yang telah sampai tempoh Semakan Semula Program dalam kadar segera.
 - 3.1.3 Semua Fakulti perlu menyemak semula struktur Kursus Universiti bagi program Sarjana Muda yang ditawarkan. Sekiranya terdapat program yang tidak menyatakan kursus (TITAS dan Hubungan Etnik) ini di dalam struktur program, Senat Kali Ke-159 Bilangan 9/2017 pada 20 September 2017 memberi pengecualian kepada pelajar yang berada di 2 semester terakhir (memandangkan terdapat perbezaan tempoh pengajian). Manakala pelajar Sarjana Muda yang dalam tempoh pengajian dan semester berikut perlu mengambil kursus TITAS dan Hubungan Etnik :

Tempoh Pengajian	Semester
4 tahun	1 hingga 6

3 tahun setengah	1 hingga 5
3 tahun	1 hingga 4

4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 20 September 2017.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,

(SUHAILA SIDEK)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Hal Ehwal Akademik

